

2hb. April, 1977

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1977**

### **Pengambilan Bahasa Malaysia sebagai mata-pelajaran**

#### **tunggal di peringkat SPM/MCE**

Adalah dimaklumkan bahawa persetujuan telah dicapai dengan pihak Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran untuk meluaskan peperiksaan mata-pelajaran tunggal Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE seperti di perenggan 3 [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1972](#) kepada calon-calon golongan seperti berikut:-

"Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat yang tidak mempunyai kelulusan SRP/LCE tetapi telah dilantik ke jawatan-jawatan yang lebih tinggi dalam mana mereka dikehendaki mendapat lulus atau kepujian Bahasa Malaysia (mengikut mana yang berkenaan) diperingkat SPM/MCE sebagaimana yang disyaratkan oleh Skim Perkhidmatan masing-masing."

2. Walau bagaimanapun, sebelum permohonan daripada pegawai-pegawai golongan di atas untuk menduduki peperiksaan mata-pelajaran Bahasa Malaysia tunggal di peringkat SPM/MCE itu dipertimbangkan, mereka adalah dikehendaki terlebih dahulu mendapatkan surat pengecualian daripada menduduki peperiksaan Bahasa Malaysia di peringkat SRP/LCE itu daripada Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran. Pegawai-pegawai yang terlibat hendaklah memohon surat pengecualian tersebut menerusi Ketua Jabatan masing-masing. Ketua-ketua Jabatan pula adalah dikehendaki mengesahkan yang pegawai-pegawai berkenaan adalah diwajibkan oleh Skim Perkhidmatan masing-masing untuk memperolehi lulus atau kepujian (mana yang berkenaan) dalam mata-pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE. Permohonan yang lengkap itu hendaklah dihantar kepada:

Pengarah Peperiksaan,

Lembaga Peperiksaan,

Kementerian Pelajaran,

Jalan Duta,

Kuala Lumpur. (U.P: Encik Termuzi bin Haji Abdul Aziz)

3. Surat pengecualian yang diperolehi daripada Lembaga Peperiksaan itu bolehlah digunakan setiap kali seseorang pegawai itu ingin mengambil mata-pelajaran tersebut (sekiranya seseorang itu tidak lulus peperiksaan tersebut dalam sekali pengambilan).

4. Sejak tahun 1976 Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran telah mengadakan peperiksaan mata-pelajaran Bahasa Malaysia tunggal yang berasingan

daripada peperiksaan SPM/MCE yang biasa. Peperiksaan Bahasa Malaysia tunggal ini diadakan pada bulan Julai tiap-tiap tahun, khas bagi calon-calon persendirian.

Tarikh tutup permohonan bagi menduduki peperiksaan ini pada tahun ini bagi pegawai-pegawai yang tersebut dalam perenggan 1 di atas ialah pada 20hb. April, 1977. Walaupun demikian, tarikh tutup permohonan ini bagi satu-satu tahun mungkin berubah-ubah mengikut sepertimana yang disiarkan di akhbar-akhbar oleh pihak Lembaga Peperiksaan bagi tahun yang berkenaan.

5. Sila hebahkan perkara ini dengan segera kepada semua pegawai-pegawai yang berkenaan. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah dipakai bersama-sama [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1972](#).

Saya yang menurut perintah,  
(ABDUL RAHMAN BIN HJ. AHMAD)  
Bahagian Perjawatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Awam,  
Malaysia.

Ketua-ketua Setiausaha/Ketua-ketua Jabatan.

Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Malaysia Barat.

s.k. Pengarah Peperiksaan,  
Lembaga Peperiksaan,  
Kementerian Pelajaran,  
Jalan Duta,  
Kuala Lumpur. (U.p: Encik Hashim bin Mydin).